

PM terus ke Langkawi tinjau projek sebaik selesai perhimpunan

UM 23 JUN 2003

LANGKAWI 22 Jun — Ketika ramai yang menjangkakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan berehat sehari selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO semalam, rupa-rupanya beliau berada di sini hari ini untuk meninjau pelbagai projek pembangunan di pulau peranginan ini.

Perdana Menteri tiba malam tadi sejurus selepas perhimpunan itu tamat dan pagi ini, memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda untuk melihat kemajuan beberapa projek di sekitar Langkawi.

Pada sidang media semalam, Dr. Mahathir yang ditanya tentang apakah yang hendak dilak-

kukannya selepas perhimpunan agung itu, menjawab: "Rehat, jadi jangan ganggu saya esok."

Hari ini, semasa bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin semua projek yang dilaksanakan di Langkawi akan tetap

berjalan dengan baik selepas beliau berundur Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, pengganti beliau nanti sudah tentu akan memberi tumpuan terhadap projek-projek yang sedang berjalan bagi memastikan kejayaannya dalam usaha menjadikan Langkawi pulau pelancongan yang popular di peringkat antarabangsa.